

14 JUL 1996

S46-Desak

S46 TERUS DESAK NIK AZIZ LETAK JAWATAN DAN BUBAR DEWAN

KOTA BAHARU, 14 Julai (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 (S46) terus mendesak Menteri Besar, Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya meletakkan jawatan dan membubar segera Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan S46 Negeri, Datuk Shukri Mohamad berkata Nik Aziz patut berbuat demikian kerana beliau telah gagal mengembalikan kepercayaan rakyat dan partinya (Pas) telah menyebabkan perpecahan rakyat negeri ini.

Katanya, Pas gagal menunaikan janjinya untuk menegakkan Hukum Hudud di Kelantan malah menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula sebagai punca Hukum itu gagal dilaksanakan.

Beliau berkata demikian dalam satu ceramah yang bertajuk "Perpaduan Melayu" anjuran S46 di Kampung Bunut Payung dekat sini malam tadi untuk memperjelaskan kepada rakyat di negeri ini mengenai kerjasama yang akan dijalankan di antara S46 dan Umno.

Shukri, yang juga Anggota Parlimen Machang, berkata S46 terlalu banyak bersabar dengan kerenah Pas yang sering menyisihkan S46 dalam membuat sebarang keputusan sedangkan S46 bermati-matian berjuang dalam Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) untuk membangunkan Kelantan.

"Pas telah menghina S46 dengan memotong gaji (Timbalan Menteri Besar) Datuk Rozali Isohak dan ini adalah soal maruah yang tidak boleh dipertingkatkan lagi," katanya.

Shukri juga bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir bahawa seorang ulama tidak sepatutnya memegang jawatan di dalam parti dan ini terbukti apa yang dilakukan oleh Nik Aziz sehingga rakyat di negeri ini berpecah belah.

Katanya Nik Aziz juga patut dipersalahkan mengenai penswastaan air yang beliau mendakwa tidak tahu butiran mengenai perjanjian penswastaan air itu.

"Nik Aziz berbohong kepada rakyat kerana kerajaan negeri telah diberi tempoh lebih daripada dua tahun untuk meneliti perjanjian itu apatah lagi kerajaan negeri sendiri telah menubuhkan satu jawatankuasa mengkaji penswastaan air itu pada mesyuarat yang dipengerusikan oleh beliau sendiri," katanya.

Sebelum itu, pada majlis yang sama, Anggota Parlimen Kota Baharu, Hajah Ilani Isahak berkata, kehancuran Angkatan berpunca daripada Pas yang mengeluarkan pelbagai kenyataan seolah-olah S46 sendiri yang mahu keluar dari Angkatan.

Beliau berkata, pemimpin-pemimpin S46 telahpun menyetujui tindakan Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah untuk menjalankan kerjasama dengan Umno dan sekarang anggota parti harus faham dan akur dengan keputusan itu.

-- BERNAMA

ZI AHH